



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Faks : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : kpkt\_gov  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.43 ( 60 )

Tarikh : 26 Jun 2014

## SIARAN MEDIA

### INISIATIF KPKT KE ARAH PERSEKITARAN BANDAR YANG SEJAHTERA DAN BAHAGIA UNTUK GENERASI AKAN DATANG.

**Kuala Lumpur, 26 Jun 2014** – Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merasmikan Persidangan Antarabangsa Kesejahteraan Bandar dan Kebahagiaan 2014 (*International Conference on Urban Wellbeing and Happiness 2014*) pada pagi ini. Persidangan ini diadakan selaras dengan sambutan *United Nation International Day of Happiness 2014*.

2. Persidangan yang memberikan tumpuan kepada 3 aspek utama dalam mewujudkan kebahagiaan dan kesejahteraan bandar iaitu sosial, fizikal dan alam sekitar akan dikupas oleh 7 orang pembentangan kertas kerja oleh pembentang dari UNDP, EPU, UPM, IKIM dan Talent Corp Malaysia Berhad dalam 2 sesi seminar.

3. Sesi pertama akan dipengerusikan oleh Tan Sri Ramon Navaratnam, Pengarah *Asian Strategy and Leadership Institute (ASLI)* dan *Chairman of the Centre for Public Policy Studies (CPPS)*. Sesi ini akan membentangkan topik :

- ***Paper 1: Beyond GDP : Happiness and Wellbeing of Communities Towards Sustainable Development*** by Ms. Michelle Gyles-McDonnough, *UN Resident Co-ordinator in Malaysia and UNDP Resident Representative for Malaysia, Singapore and Brunei Darussalam*
- ***Paper 2: Incorporating Social Urbanism in Planning for Urban Wellbeing and Happiness*** by Dr. Dahlia binti Rosly, *Director General Federal Department of Town and Country Planning, Peninsular Malaysia*.
- ***Paper 3 : Malaysian Wellbeing Index (MWI) 2012 : Advanced Measuring for Quality of Life***

- by Mr. Azlan bin Abdul Rashid, *Deputy Director of Macro Economics Section, Economic Planning Unit (EPU), Prime Minister's Department*

4. Manakala sesi kedua akan dipengerusikan oleh Dato' Halimi bin Abdul Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan 4 pembentang seperti berikut:

- ***Paper 4 : Work Life Balance Brings Happiness and Wellbeing To Communities*** by Suriahni binti Abdul Hamid *Representative of Talent Corp Malaysia Berhad*
- ***Paper 5 : Malaysian Family Wellbeing Index: Towards Family Happiness*** by Dr. Anjli Panalal Doshi, Deputy General Director (Policy) *National Population and Family Development Board (LPPKN)*
- ***Paper 6 : Ummah Development Index : Spirituality and Happiness*** by Mr. Mohamad Hisyam bin Mohamad, *Felo Center of Economics and Social Studies, Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM)*
- ***Paper 7 : Youth Wellbeing and Happiness Towards Healthy Generation*** by Associate Professor Dr. Shamala Subramaniam, *Director of Sports Academy, Universiti Putra Malaysia and Senior Vice President for Malaysian Hockey Confederation*

5. Persidangan Antarabangsa Kesejahteraan Bandar dan Kebahagiaan 2014 ini juga adalah platform perkongsiaan ilmu dan pengalaman antara jabatan-jabatan teknikal , agensi dan juga individu ke arah kesejahteraan bandar dan kebahagiaan dimana ianya :

- i. Memberi pendedahan kepada peserta tentang usaha-usaha yang telah dilakukan oleh jabatan, agensi atau individu ke arah mencapai kesejahteraan bandar dan kebahagiaan.
- ii. Mempromosi inisiatif-inisiatif kesejahteraan bandar dan kebahagiaan yang telah dilaksanakan oleh pihak jabatan, agensi atau pertubuhan bukan kerajaan (NGOs).
- iii. Mengenalpasti isu dan masalah perbandaran yang berpotensi menjejaskan kesejahteraan dan kebahagiaan bandar.
- iv. Mengenalpasti kelemahan dan peluang-peluang untuk ditambahbaik oleh jabatan dalam usaha mewujudkan persekitaran bandar yang sejahtera dan bahagia.

6. Objektif persidangan ini disasarkan kepada 4 kumpulan sasaran seperti berikut:

- i. Orang awam – sebagai kumpulan komuniti yang akan menerima faedah daripada usaha mewujudkan persekitaran bandar yang sejahtera dan bahagia. Mereka juga sebagai penyumbang utama dalam memastikan halatuju perancangan dan pembangunan ea ra.
- ii. Organisasi dan NGOs – sebagai penjana ekonomi ea ra yang juga menentukan arah tuju pembangunan ea ra.

- iii. Agensi Kerajaan- sebagai agensi-agensi sokongan yang akan terus mendokong bersama hasil dan produk jabatan.
- iv. Pelajar – sebagai kumpulan atau generasi yang akan mewarisi dan menentukan kesejahteraan bandar pada masa kini dan akan datang.

Adalah diharapkan persidangan ini akan dapat mencambahkan idea dan menanam inisiatif-inisiatif untuk memastikan kesejahteraan komuniti dan kemampuan bandar yang membantu mewujudkan persekitaran bandar yang sejahtera, bahagia dan sihat untuk dinikmati oleh generasi kini dan akan datang.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pengurusan Strata dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)